



Ekopelancongan di Taman Paya Bakau, Seri Manjung, Perak: Persepsi penduduk terhadap impak pembangunan

Nurain Sahazali¹, Er Ah Choy¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Er Ah Choy (email: eveer@ukm.my)

Abstrak

Ekopelancongan adalah lawatan yang bertanggungjawab ke atas alam sekitar, menggalakkan pemuliharaan alam sekitar serta memberikan faedah kepada komuniti tempatan melalui penglibatan mereka dalam industri berkenaan. Ekopelancongan mempunyai impak pembangunan. Kajian ini bertujuan melihat persepsi penduduk mengenai impak pembangunan ekopelancongan terhadap ekonomi, alam sekitar dan sosial. Taman Paya Bakau Seri Manjung, Perak dipilih sebagai kawasan kajian kerana lokasinya yang strategik yang mampu menarik pelancong yang sukakan aktiviti ekopelancongan sambil menghayati keindahan alam sekitar. Alat kajian yang digunakan terdiri daripada satu set soal selidik persepsi penduduk terhadap pembangunan ekopelancongan. Data telah dianalisis menggunakan perisian SPSS. Hasil analisis menunjukkan bahawa ekopelancongan Taman Paya Bakau telah dimajukan oleh pihak berkepentingan. Namun, penglibatan komuniti di sini masih kurang. Ini menyebabkan peluang ekonomi kepada penduduk masih tidak meluas. Perubahan cuaca dapat dirasai oleh penduduk kerana proses pembangunan semakin pesat dijalankan. Keadaan sosial penduduk tempatan semakin maju akibat pertambahan kedatangan pelancong. Untuk meningkatkan kemajuan taman paya bakau ini, penyediaan infrastruktur dan kemudahan lain perlu ditambah.

Katakunci: ekopelancongan, impak pembangunan, paya bakau, peluang ekonomi, penglibatan komuniti, perubahan cuaca

Development impact of Malaysian ecotourism as perceived by the local public: The case of Bakau, Seri Manjung, Perak

Abstract

Responsible ecotourism is supposed to go hand in hand with the participation of local communities. To gauge the extent to which this is happening in Malaysia, a micro study was conducted at Taman Paya Bakau Seri Manjung, Perak, a site that flourished as an ecotourism attraction because of the uniqueness of its natural environment. A set of questionnaire probing into members of the local public's perceptions of ecotourism development and its impact there was administered for primary data. The data collected were processed using SPSS and were analyzed using descriptive statistics. Results of the analysis showed that although ecotourism had developed for quite a while in Taman Paya Bakau Seri Manjung local economic growth was slow measured by the lack of local community's involvement. The findings point to the imperative of upgrading local infrastructure and facilities in order to develop Taman Paya Bakau as a recognizable ecotourism site.

Keywords: community's participation, development impact, ecotourism, ecotourism site, local public's perception, mangrove park

Pengenalan

Ekopelancongan adalah perjalanan dan lawatan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar, kepada kawasan semulajadi, untuk menikmati dan menyedari akan sifat-sifat semulajadi, yang menggalakkan pemuliharaan alam sekitar, membawa kesan yang rendah serta membolehkan penglibatan masyarakat tempatan di dalam aktiviti sosio-ekonomi yang positif (Ceballos-Lascurain, 1996).

Ciri-ciri ekopelancongan perlunya melibatkan penduduk tempatan dalam pembangunan dan program ekopelancongan yang mendatangkan kebaikan kepada mereka serta dapat meningkatkan nilai-nilai penghayatan sumber alam (Butler, 1991). Oleh yang demikian, segala usaha pembangunan semula ini bukan sahaja memberi impak terhadap pelancong, tetapi ia turut memberi kesan terhadap kualiti hidup komuniti lokal di sekitarnya.

Terdapat beberapa perjanjian mengenai unsur-unsur ekopelancongan, dimana terdapat tiga unsur yang utama. Pertama, ekopelancongan adalah berasaskan alam semulajadi, kedua pula ekopelancongan menjadi pendidikan dan tafsiran dan yang ketiga ekopelancongan ini diuruskan secara mampan (Sue Beeton, 2000).

Menurut David Fennell (2008) ekopelancongan di Texas memberi contoh terbaik bagaimana ekopelancongan digolongkan oleh pelancongan alam semula jadi. Di Texas, pelancongan alam semula jadi ditakrifkan sebagai perjalanan budi bicara ke kawasan alam yang memelihara alam sekitar, nilai-nilai sosial dan budaya sambil menjana manfaat ekonomi kepada masyarakat setempat

Pelbagai pandangan telah dikemukakan tentang impak pembangunan ekopelancongan terhadap komuniti tempatan. Kajian Er Ah Choy et al. (2010) tentang persepsi pelancong terhadap tarikan pelancongan di Bukit Fraser, Pahang mendapati bahawa kebanyakan pelancong yang datang ke kawasan ekopelancongan ini adalah disebabkan oleh tertarik dengan nilai-nilai sejarah dan ada juga yang melancong sambil menjalankan penyelidikan. Pelancong berminat untuk ke Bukit Fraser kerana adanya kemudahan perhubungan untuk ke kawasan tersebut. Pelancong juga berkunjung kerana wujud pelbagai perkhidmatan dan kemudahan infrastruktur yang disediakan untuk pelancong seperti kemudahan rekreasi, kemudahan awam selain pengurusan kebersihan yang baik. Kemajuan ekopelancongan di Bukit Fraser memberi impak yang positif kepada ekonomi negeri dan komuniti tempatan secara khususnya.

Kajian Er Ah Choy (2010) mengenai pembangunan ekopelancongan yang baru dijalankan di Bukit Lagong, Selangor turut melibatkan masyarakat Orang Asal. Masyarakat peribumi tersebut mempunyai pengetahuan yang dalam mengenai alam sekitar Bukit Lagong. Oleh itu penglibatan mereka adalah penting supaya komuniti Orang Asli ini turut menerima kesan daripada aktiviti ekopelancongan di kawasan tersebut. Er Ah Choy et al. (2011) dalam kajian lainnya mengenai pembangunan ekopelancongan di Gunung Tambuyukun, Sabah mendapati bahawa komuniti tempatan kian terlibat dengan aktiviti ekopelancongan tersebut. Komuniti juga dikatakan menjadi mata dan telinga kepada pihak berkepentingan. Antara peluang ekonomi yang ditawarkan oleh aktiviti ekopelancongan kepada komuniti adalah pekerjaan sebagai pemandu pelancong. Komuniti Tambuyukun sudah biasa dengan keadaan kawasan di gunung tersebut.

Impak ekopelancongan di Taman Negara terhadap sosioekonomi komuniti Orang Asal daripada suku Batek turut dikaji oleh Zuriatunfadziah et al. (2009). Dari segi budaya Orang Batek telah mengalami perubahan cara hidup khususnya tentang pemakaian, pemakanan, bahasa dan cara menghasilkan kraf tangan tradisional. Penglibatan kaum ini dalam bidang ekopelancongan adalah penting. Ini kerana keunikan budaya mereka juga telah menjadi produk ekopelancongan yang menarik ramai pengunjung ke kawasan ekopelancongan ini. Seterusnya, aktiviti tersebut menyumbang secara positif kepada ekonomi negeri dan penduduk tempatan itu sendiri.

Kawasan paya bakau kini semakin digemari sebagai salah satu ekopelancongan yang popular. Di Malaysia, di sebalik kewujudan kawasan paya bakau yang luas, namun secara umumnya, sumbangan kawasan tersebut dalam menjana pendapatan, meningkatkan tahap sosioekonomi komuniti setempat masih belum ketara. Populariti hutan bakau bukan sahaja kerana fenomena kelip-kelip, tetapi juga kerana keunikannya yang lain. Taman Paya Bakau di Seri Manjung, Perak adalah salah satu kawasan ekopelancongan yang menjadi tumpuan ramai. Sama ada taman ini telah berjaya menjadi pusat

ekopelancongan yang berjaya di Malaysia, adalah suatu persoalan yang menarik untuk diselidiki. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti persepsi penduduk terhadap impak pembangunan ekopelancongan yang dijalankan oleh pihak berkepentingan. Impak pembangunan adalah salah satu aspek penting dalam menentukan kejayaan sesebuah pusat ekopelancongan yang berasaskan kawasan paya bakau.

Kaedah kajian

Kajian ini dijalankan di negeri Perak, sebuah negeri yang mempunyai pelbagai tempat tarikan ekopelancongan. Terdapat beberapa ikon ekopelancongan di negeri Perak (Suliati, 2012), iaitu Taman Negeri Royal Belum, Gua Tempurung, Taman Herba Negeri Perak, Sungai Klah Hot Spring, Pulau Orang Utan yang terletak di Bukit Merah Laketown Resort, Zoo Taiping dan *Night Safari*, Ipoh- *The Limestone Wonder*, Lumut dan Pulau Pangkor, Kuala Kangsar Bandar Diraja, Hutan Paya Bakau Matang dan Taman Paya Bakau Seri Manjung. Kajian ini ditumpukan ke Taman Paya Bakau Seri Manjung kerana paya bakau ini merupakan kawasan yang unik, letaknya di antara jalan Ipoh-Lumut yang mudah dikunjungi, iaitu lebih kurang sepuluh minit perjalanan dari bandar Lumut. Taman Paya Bakau ini mula dibina pada bulan Mei 1994 dan telah dibuka kepada umum pada bulan Januari tahun 1995. Terdapat laluan pejalan kaki sejauh 366 meter dan selebar enam kaki yang merentasi hutan paya bakau ini. Taman paya bakau ini telah diselenggara dan diubah suai pada tahun 2005.

Bagi tujuan memenuhi kajian ini, data sekunder yang diperolehi daripada Majlis Perbandaran Manjung dan data primer yang diperolehi melalui kaji selidik, digunakan. Borang kaji selidik adalah instrumen utama yang digunakan. Borang kaji selidik ditadbirkan ke atas responden terpilih yang merupakan ketua isi rumah yang tinggal di kawasan kajian. Kajian ini menggunakan pensampelan bukan probaliti, iaitu teknik pensampelan bertujuan. Kaedah ini memadai bagi tujuan memenuhi objektif yang diutarakan oleh pengkaji. Bagi tujuan tersebut seramai 57 orang responden telah dipilih sebagai sampel dan kaji selidik dilakukan sepenuhnya ke atas mereka.

Ekopelancongan di Taman Paya Bakau, Seri Manjung

Kawasan sekitar Lumut-Manjung umumnya menawarkan beberapa tempat yang menarik untuk dikunjungi pelancong domestik dan luar negara. Selain Pulau Pangkor yang terkenal, para pelancong juga turut mengunjungi Teluk Rubiah, Telok Batek, Bandar Setiawan, Seri Manjung-Lumut dan Taman Paya Bakau Statistik kedatangan pelancong ke kawasan pelancongan di sekitar Lumut-Manjung menunjukkan peningkatan yang ketara. Dari tahun 2004 hingga tahun 2008 jumlah pelancong domestik yang mengunjungi kawasan ini setiap tahun meningkat kira-kira 40 peratus. Bagaimanapun bilangan pelancong luar negara rata-rata tidak sampai separuh pelancong domestik dan trend kunjungannya juga turun naik. Statistik kunjungan pelancong ke kawasan sekitar Lumut-Manjung dari tahun 2004 sehingga September 2009 ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1. Statistik kedatangan pelancong ke kawasan pelancongan sekitar Lumut - Manjung

Lumut	Domestik	Antarabangsa
2004	252,354	98,530
2005	176,804	84,499
2006	203,054	114,441
2007	345,314	80,722
2008	355,524	121,522
2009(Jan-Sept)	195,079	76,687

Sumber: Majlis Perbandaran Manjung 2012

Hutan paya bakau merupakan suatu ekosistem yang unik dan menarik untuk diketahui. Hutan paya bakau memainkan peranan yang penting kepada sistem ekologi. Hutan bakau bertindak sebagai pemecah ombak semula jadi, berupaya mengawal hakisan pantai dengan mencengkam tanah di habitatnya. Oleh yang demikian, pengunjung akan lebih menghargai alam sekitar apabila mereka melihat dan memahami kepentingan paya bakau ini kepada alam sekitar dan manusia. Pelbagai aktiviti menghargai alam sekitar kawasan bakau dijalankan di Taman Paya Bakau Sri Manjung. Aktiviti tersebut dijelaskan seperti yang berikut.

Melihat sambil menikmati keindahan pokok bakau

Aktiviti ekopelancongan yang paling utama dilakukan oleh pengunjung adalah menikmati keindahan dengan melihat sendiri hutan paya bakau dengan lebih dekat. Dari sisi hadapan pintu masuk Taman Paya Bakau lagi pengunjung boleh melihat pokok bakau ini (Foto 1).



Foto 1. *Pintu masuk Taman Paya Bakau, Seri Manjung*

Aktiviti ekopelancongan yang boleh pengunjung lakukan adalah melihat keindahan Taman Paya Bakau yang menghijau. Pokok-pokok bakau dipelihara untuk tatapan para pelancong yang sukakan alam sekitar. Kebanyakan pokok-pokok bakau di sini terdiri daripada spesies *Rhizophora* (Bakau). Tumbuhan paya bakau ini adalah spesies yang tahan kepada keadaan persekitaran yang berair masin dan berlumpur. Spesies lain termasuklah *Avicennia* (Api-api) dan *Sonneratia*, tetapi secara amnya kebanyakan spesies bakau ini mempunyai ciri-ciri yang serupa seperti akar yang timbul di permukaan pasir. Kawasan paya bakau ini memberi perlindungan dan sumber makanan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada pelbagai komuniti hidupan seperti burung, organisma marin, ikan, siput dan pelbagai jenis haiwan yang lain.

Para pengunjung boleh memasuki kawasan hutan bakau untuk tujuan menikmati keindahan habitat bakau dengan meninjau dan melihat menggunakan laluan khas yang disediakan. Majlis Perbandaran Manjung telah menyediakan laluan pejalan kaki sepanjang 366 meter untuk kemudahan pengunjung menikmati keindahan Taman Paya Bakau ini.

Berinteraksi dengan fauna di Taman Paya Bakau

Selain melihat flora hutan bakau, pelbagai spesies fauna boleh dilihat apabila berada di Taman Paya Bakau Seri Manjung. Salah satu spesies fauna yang dominan di taman paya bakau ini ialah monyet. Taman Paya Bakau di sini sinonim dengan nama panggilanannya, iaitu Taman Monyet. Pengunjung yang sukakan haiwan ini boleh memberi makanan kepada monyet-monyet ini. Tidak hairan jika dari pintu masuk lagi monyet-monyet ini sudah menunggu untuk mendapatkan makanan. Bagi pengunjung yang kurang biasa dengan gelagat monyet, mereka boleh berjalan secara berkumpulan supaya tidak diganggu

oleh haiwan ini. Pengunjung juga tidak digalakkan membawa bungkusan plastik kerana setiap bungkusan plastik akan disangka mengandungi makanan. Lazimnya monyet akan cuba merampas bungkusan plastik dari tangan pengunjung. Ini kerana monyet suka kepada pengunjung yang membawa makanan.

Beristirehat sambil memancing

Pihak berkuasa tempatan juga turut menyediakan dua buah pondok di hujung laluan pejalan kaki untuk kemudahan beristirehat dan memancing. Bagi pengunjung yang gemar memancing, mereka boleh membawa peralatan memancing tersebut dari rumah. Sambil memancing, pengunjung boleh melihat keindahan Taman Paya Bakau dan pemandangan Bukit Engku Busu yang boleh dicerap dari pondok istirahat tersebut.

Ekopelancongan yang dibangunkan oleh pihak berkepentingan pada keseluruhannya adalah sederhana memuaskan. Kerjasama pihak berkepentingan yang memajukan Taman paya Bakau Seri Manjung, iaitu kerajaan negeri dan tempatan, industri dan masyarakat dalam menyediakan pelbagai kemudahan asas adalah tercapai. Pihak kerajaan telah menyediakan kemudahan, infrastruktur dan perkhidmatan yang diperlukan. Industri pula telah menyokong pihak kerajaan dalam penambahbaikan dengan memberi dorongan, bantuan dan sokongan kepada pihak kerajaan. Sementara masyarakat pula telah mendapat impak sedikit sebanyak hasil daripada pembangunan ekopelancongan di kawasan tersebut. Bagaimanapun, impak keseluruhannya adalah pebagai seperti yang dipersepsi oleh penduduk.

Impak pembangunan ekopelancongan

Impak ekonomi

Jadual 2 menunjukkan peratusan impak ekonomi. Taraf hidup semakin meningkat dengan adanya pembangunan pelancongan di Daerah Manjung. Sebanyak 49.1 peratus, iaitu 28 orang responden yang bersetuju dengan pernyataan ini. Dengan adanya pembangunan pelancongan, ramai penduduk yang mengatakan bahawa taraf hidup mereka semakin meningkat. Seramai 12 orang turut mengatakan sangat setuju bahawa taraf hidup mereka sangat meningkat, 11 orang tidak bersetuju, 5 orang menjawab tidak pasti dan selebihnya, seorang menjawab sangat tidak setuju. Min bagi pernyataan ini adalah sebanyak 3.68. Nilai empat dalam skala Likert ini menunjukkan setuju. Oleh itu rata-rata responden cenderung untuk bersetuju dengan pernyataan bahawa ekopelancongan mempunyai impak ekonomi yang seterusnya meningkatkan kualiti hidup isi rumah. Menurut Azahan et al. (2006), kualiti hidup sukar untuk ditafsirkan. Ini kerana kualiti hidup adalah sesuatu yang subjektif. Setiap individu mempunyai kehendak yang berbeza-beza. Justeru itu, taraf hidup yang ditafsirkan oleh responden adalah mengikut keselesaan mereka.

Sejajar dengan pembangunan pelancongan di Daerah Manjung, nilai tanah semakin meningkat. Seramai 30 orang responden (53%) sangat setuju dengan pernyataan bahawa harga tanah di kawasan mereka semakin meningkat. Menurut mereka harga rumah juga menjadi semakin mahal dan tidak mampu untuk memilikinya jika hendak dibandingkan dengan pendapatan mereka. Manakala, 23 responden (43%) bersetuju dengan pernyataan ini. Hal ini menunjukkan ramai responden yang peka mengenai isu ini. Dua orang yang tidak bersetuju dan masing-masing seorang yang sangat tidak setuju dan tidak pasti. Purata bagi pernyataan ini adalah sebanyak 4.39. Ini menunjukkan ramai yang bersetuju nilai tanah di bandar ini semakin meningkat.

Jadual 2. Impak ekonomi (n = 57)

Ekonomi	STS %	TS %	TP %	S %	SS %	Min
Peningkatan taraf hidup	1.8	19.3	8.8	49.1	21.1	3.68
Peningkatan harga tanah	1.8	3.5	1.8	40.4	52.6	4.39
Peluang pekerjaan bertambah	1.8	17.5	29.8	29.8	21.1	3.51
Pengangguran berkurang	3.5	36.8	29.8	22.8	7.0	2.93
Harga barang meningkat	0	1.8	3.5	40.4	54.4	4.47
Alam sekitar pemangkin sumber ekonomi	0	10.5	40.4	31.6	17.5	3.56

Nota: STS= Sangat Tidak Setuju, TS= Tidak Setuju, TP=Tidak Pasti, S= Setuju, SS=Sangat Setuju, Min=Purata

Peluang pekerjaan yang banyak mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat tempatan. Sebanyak 29.8 peratus responden menjawab setuju mengenai pernyataan bahawa peluang pekerjaan di sektor pelancongan semakin bertambah, 21.1 peratus pula mengatakan sangat setuju, 17.5 peratus tidak setuju bahawa peluang pekerjaan bertambah dan 1.8 peratus yang sangat tidak setuju. Min bagi pernyataan ini adalah sebanyak 3.5, menghampiri 4.0, iaitu setuju. Hal ini menunjukkan bahawa rata-rata responden cenderung untuk bersetuju. Hasil kajian Yahaya (2008) menunjukkan hasil yang sama di mana pembangunan pelancongan yang dijalankan memberikan peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan. Bagaimanapun, 23 orang responden (40.3 %) tidak setuju dengan pernyataan bahawa kadar pengangguran dalam kalangan penduduk setempat semakin berkurang. Selebihnya 17 responden (29.7 %) mengatakan tidak pasti. Bagi mereka, peluang pekerjaan yang diwujudkan dalam sektor ekopelancongan Taman Paya Bakau ini masih tidak meluas. Bilangan pekerjaan yang ditawarkan sangat terbatas. Misalnya keperluan kepada pemandu pelancong sangat terhad. Ini kerana pengunjung yang datang ke Taman Paya Bakau ini cenderung untuk tidak memerlukan khidmat pemandu pelancong. Mereka bergerak sendiri secara berkelompok dengan pengunjung lain. Laluan pejalan kaki yang disediakan juga berstruktur baik, justeru itu jarang pengunjung mendapatkan khidmat pemandu pelancong untuk ke Taman Paya Bakau. Hanya 20 responden (30.0%) yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Jelas menunjukkan bahawa penduduk masih tidak pasti dengan peluang pekerjaan yang ditawarkan sama benar-benar membantu komuniti dari segi penawaran peluang pekerjaan. Berdasarkan pemerhatian, tidak banyak pekerjaan yang wujud di Taman Paya Bakau Seri Manjung. Hanya ada beberapa orang pemandu pelancong dan pekerja yang menjaga kebersihan kawasan Taman Paya Bakau yang dapat diperhatikan. Hal ini ditegaskan lagi dengan respons kepada pernyataan bahawa “ekopelancongan di Seri Manjung hanya memberi manfaat kepada sejumlah kecil penduduk tempatan”, min bagi pernyataan ini adalah 3.88 pada skala Likert yang jelas menunjukkan tentang kecenderungan responden untuk bersetuju.

Dari segi impak ekonomi yang negatif, misalnya “harga barang semakin mahal” akibat ekopelancongan, seramai 54 orang responden (94.8%) bersetuju dengan pernyataan tersebut, bahawa harga barang semakin meningkat. Secara puratanya, kebanyakan responden cenderung untuk bersetuju bahawa harga barang semakin meningkat, iaitu pada nilai 4.47 pada skala Likert. Ini menunjukkan bahawa impak ekonomi yang negatif lebih dirasakan oleh penduduk setempat berbanding impak yang positif. Hal yang sama dapat dikesan bagi hubungan alam sekitar dengan ekonomi penduduk setempat. Hanya 28 orang responden (49.1%) yang bersetuju dengan pandangan bahawa alam sekitar menjadi pemangkin sumber ekonomi mereka. Responden selebihnya 29 orang (50.9%) cenderung untuk tidak bersetuju atau tidak pasti. Ini menunjukkan kurangnya pengetahuan tentang kepentingan alam sekitar dalam menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi penduduk setempat.

Impak sosial

Ekopelancongan Taman Paya Bakau di Sri Manjung telah meninggalkan impak yang negatif kepada keadaan sosial setempat. Hal ini diperakukan oleh majoriti 55 orang responden (96.5%). Hal ini menunjukkan secara puratanya, kebanyakan responden merasakan bahawa masalah sosial semakin

meningkat. Jadual 3 menunjukkan impak sosial yang timbul akibat aktiviti ekopelancongan di Sri Manjung menurut pandangan responden. Antara impak sosial yang dikesan menurut pandangan responden adalah peningkatan gejala sosial seperti pergaulan bebas dalam kalangan anak muda, terpengaruh oleh budaya luar seperti gaya pakaian dan makanan dan peningkatan kadar jenayah di kawasan ini.

Jadual 3. Impak sosial (n = 57)

Sosial	STS %	TS %	TP %	S %	SS %	Min
Masalah gejala sosial meningkat	0	1.8	1.8	42.1	54.4	4.49
Penambahan infrastruktur	3.5	7.0	12.3	43.9	33.3	3.96
Budaya & nilai murni diterapkan	8.8	12.3	21.1	31.6	26.3	3.54
Terpengaruh dengan budaya luar	0	5.3	3.5	42.1	49.1	4.35
Bertukar pandangan dengan pelancong	3.5	7	12.3	52.6	24.6	3.88
Kadar jenayah semakin meningkat	0	5.3	7.0	61.4	26.3	4.09
Hubungan komuniti semakin baik	0	5.3	24.6	50.9	19.3	3.84
Peningkatan Bahasa Inggeris	3.5	8.8	8.8	57.9	21.1	3.84
Gaya hidup penduduk dipengaruhi gaya pelancong	0	14.0	29.8	35.1	21.1	3.63

Nota: STS= Sangat Tidak Setuju, TS= Tidak Setuju, TP=Tidak Pasti, S= Setuju, SS=Sangat Setuju, Min=Purata,

Sumber: Kajian Lapangan 2012

Impak pembangunan ekopelancongan terhadap sosial dapat dilihat dalam beberapa perkara. Antaranya adalah kadar jenayah. Sebanyak 40 orang responden (71.2%) bersetuju bahawa kadar jenayah semakin meningkat sejajar dengan peningkatan pembangunan di bandar ini. Kebanyakan responden yang bersetuju dengan pandangan tersebut mengaitkan dengan pengalaman dan pengetahuan mereka bahawa jenayah sememangnya berlaku di kawasan kejiranan mereka. Selain jenayah, ekopelancongan juga memberi impak sosial kepada penduduk melalui kehidupan seharian mereka. Antara masalah yang timbul adalah terpengaruh dengan budaya luar seperti pergaulan bebas, punk, black metal dan lain-lain. Seramai 52 orang responden (91.2%) bersetuju dengan pandangan bahawa ekopelancongan di taman paya bakau ini menyebabkan timbulnya pelbagai gejala sosial tersebut. Min bagi pernyataan ini adalah 4.35 pada skala Likert, iaitu bersetuju.

Pandangan tentang pernyataan bahawa budaya dan nilai-nilai murni dapat diterapkan di dalam diri ahli masyarakat, seramai 33 orang responden (57.9%) bersetuju dan selebihnya 24 orang responden (42.1%) sama ada tidak pasti atau tidak bersetuju. Min bagi pernyataan ini adalah 3.54 pada skala Likert di mana 4.0 adalah bersetuju. Oleh yang demikian, secara puratanya majoriti responden cenderung untuk bersetuju dengan pernyataan ini. Selain itu, dari segi sosial 40 responden (70.2%) bersetuju dengan pernyataan bahawa hubungan antara komuniti semakin baik. Ini kerana wujudnya kerjasama dalam menjayakan aktiviti ekopelancongan di kawasan tersebut. Selebihnya sebanyak 15 responden (29.8%) tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa hubungan komuniti menjadi semakin baik. Min jawapan responden 3.84 menghampiri 4.0 pada skala Likert, iaitu bersetuju. Kesan pembangunan ekopelancongan terhadap sosial yang lain termasuklah dari segi kesesakan. Majoriti, iaitu 42 responden (73.7%) bersetuju dengan pernyataan ini. Hanya 15 responden (26.3%) yang tidak pasti atau tidak bersetuju dengan kewujudan kesesakan di kawasan mereka. Min jawapan responden adalah 3.89 pada skala Likert, iaitu menghampiri bersetuju.

Mengenai kesan terhadap penguasaan Bahasa Inggeris, sebanyak 45 responden (79.0%) bersetuju dengan dengan pernyataan bahawa kedatangan pelancong asing telah dapat meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan penduduk tempatan. Selebihnya 12 responden (21.0%) sama ada tidak pasti atau tidak bersetuju bahawa kedatangan pelancong asing telah meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris mereka. Min jawapan responden adalah 3.84 pada skala Likert, iaitu menghampiri bersetuju. Bahasa Inggeris digunakan dengan meluas, sama ada oleh pelancong tempatan atau luar negara. Kebanyakan pelancong yang datang berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris bai pelbagai tujuan dan

menyebabkan penduduk tempatan juga perlu menjawab. Oleh itu mereka perlu mempelajarinya untuk memudahkan komunikasi.

Impak alam sekitar

Ekopelancongan juga meninggalkan impak kepada alam sekitar. Terdapat beberapa soalan yang telah ditanyakan kepada para responden mengenai impak pembangunan ekopelancongan terhadap alam sekitar (Jadual 4). Antaranya ialah masalah pencemaran yang ditimbulkan akibat aktiviti ekopelancongan di kawasan paya bakau. Kebanyakan responden, 47 orang (82.5%) bersetuju bahawa masalah pencemaran berlaku dengan adanya pembangunan pelancongan yang berterusan di kawasan taman paya bakau tersebut. Hanya 10 responden (17.5%) yang tidak pasti atau tidak bersetuju wujudnya kesan alam sekitar akibat pembangunan ekopelancongan di kawasan paya bakau tersebut. Ini kerana menurut mereka semasa projek ekopelancongan mula dibangunkan, aspek kepentingan menjaga alam sekitar sudah diambil kira, dijaga semasa proses membangunkannya. Min jawapan responden bagi pernyataan ini adalah 4.16 pada skala Likert, iaitu menghampiri amat bersetuju. Dari segi pandangan bahawa pelancong menjaga kebersihan kawasan ekopelancongan semasa berkunjung, majoriti responden (56.1%) bersetuju, selebihnya (43.9%) sama ada tidak bersetuju atau tidak pasti. Min jawapan responden kepada pernyataan ini adalah 3.32 pada skala Likert, iaitu menghampiri bersetuju. Rata-rata responden mengatakan bahawa pelancong mungkin tidak membuang sampah sesuka hati, tetapi monyet-monyet liar lazimnya menyelongkar tong sampah yang walaupun tertutup tetapi mudah dibuka sehingga menyebabkan sampah bertaburan. Ini mengakibatkan kawasan menjadi kotor.

Jadual 4. Impak alam sekitar (n = 57)

Alam Sekitar	STS %	TS %	TP %	S %	SS %	Min
Masalah pencemaran akan berlaku dalam masa terdekat	0	7.0	10.5	42.1	40.4	4.16
Pelancong menjaga kebersihan	8.8	24.6	10.5	38.6	17.5	3.32
Udara menjadi semakin panas kesan aktiviti manusia	1.8	0	1.8	43.9	52.6	4.46
Kebersihan air laut semakin tercemar	0	1.8	10.5	35.1	52.6	4.39
Pencemaran bunyi meningkat	0	1.8	8.8	40.4	49.1	4.37

Nota: STS= Sangat Tidak Setuju, TS= Tidak Setuju, TP=Tidak Pasti, S= Setuju, SS=Sangat Setuju, Min=Purata

Sumber: Kajian Lapangan 2012

Impak kepada alam sekitar yang seterusnya adalah berkaitan suhu udara permukaan bumi menjadi semakin panas kesan aktiviti manusia. Hampir kesemua (96.5%) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini kerana, terdapat beberapa projek pembangunan yang sedang giat dijalankan di daerah Manjung menyebabkan berlakunya penggondolan, banyak hutan atau pokok-pokok ditebang. Ini menyebabkan suhu permukaan bumi yang kehilangan litupan bumi menjadi lebih panas daripada biasa dan ini amat dirasakan oleh penduduk. Min jawapan responden bagi pernyataan ini adalah sebanyak 4.46 pada skala Likert, iaitu menghampiri sangat bersetuju sepenuhnya. Begitu juga mengenai kesan pencemaran bunyi yang semakin meningkat. Seramai 89.5 peratus responden bersetuju bahawa pencemaran bunyi semakin meningkat. Selebihnya sama ada tidak bersetuju atau tidak pasti. Min jawapan responden bagi soalan ini adalah 4.37 pada skala Likert, iaitu menghampiri sangat bersetuju. Pencemaran bunyi berlaku akibat kenderaan berat yang lalu-lalang di jalan raya utama berhampiran taman paya bakau sehingga menyebabkan pada waktu tertentu taman ini sedikit hingar.

Secara keseluruhannya, impak sosial dan alam sekitar fizikal yang umumnya bersifat negatif lebih dirasakan oleh penduduk di sekitar Taman Paya Bakau Seri Manjung berbanding kesan ekonomi yang lebih positif. Impak ekonomi belum lagi menyeluruh. Peluang pekerjaan atau penyertaan penduduk dalam aktiviti ekopelancongan di kawasan tersebut umumnya masih terbatas dan yang demikian perlu diluaskan.

Perbincangan

Ekopelancongan di Taman Paya Bakau Seri Manjung adalah pelancongan yang berasaskan alam sekitar. Alam sekitar yang berasaskan ekosistem paya bakau yang sensitif patut dipelihara bagi menjamin kestabilan ekologi yang terdapat di situ. Kajian ini menunjukkan bahawa persekitaran fizikal, khususnya suhu permukaan kawasan tersebut telah meningkat. Walaupun peningkatan suhu itu hanya bersifat persepsi, namun ia perlu diambil kira. Oleh yang demikian, pembangunan yang dijalankan di sekitar taman paya bakau ini wajar dilakukan dengan berhemah agar ekosistem bakau tidak terjejas. Pembangunan ekopelancongan perlu terus dijalankan, produk aktiviti dan objek pelancongan berkaitan alam semula jadi perlu diperbanyakkan. Namun, pembangunan yang dijalankan mestilah mengambil kira impak alam sekitar.

Bagi menjamin perkembangan dan kelestarian taman paya bakau ini, selain menjaga alam sekitar, banyak usaha perlu dilakukan. Dari segi kemudahan dan infrastruktur yang disediakan di Taman Paya Bakau Seri Manjung, umumnya masih belum lengkap. Walaupun kesemua yang sedia ada masih dalam keadaan baik, tetapi perlu ada penambahan beberapa perkara, iaitu antaranya adalah tandas awam. Tandas awam perlu disediakan oleh pihak yang berwajib kerana tidak terdapat tandas awam di situ sehingga menyebabkan pengunjung yang datang ke situ tidak merasa selesa kerana sukar untuk membuang air. Mereka perlu ke tandas awam yang terdapat di stesen minyak, tidak jauh daripada Taman Paya Bakau. Untuk ke tandas, pengunjung perlu berkenderaan. Selain itu pihak berwajib juga perlu membina surau untuk kegunaan pengunjung beragama Islam yang berkunjung. Penyediaan tempat ibadat sedemikian dan galakan memakmurkannya dapat memberikan imej yang baik kepada kawasan pelancongan tersebut, sekali gus mengikis pandangan negatif bahawa pusat pelancongan menggalakkan pelbagai gejala sosial.

Pelancongan tidak dapat dipisahkan daripada bersantai sambil menikmati makanan dan minuman. Gerai menjual makanan dan minuman perlu disediakan. Penjualan makanan dan minuman menyebabkan pengunjung yang datang ke situ lebih merasa santai. Kemudahan seperti ini dapat kita lihat di tempat lain seperti di Bukit Melawati, Kuala Selangor; Rekreasi Lentang, Pahang; Bukit Bendul, tidak jauh dari Seremban dan Air Terjun Gabai, Hulu Langat. Bagaimanapun, kawalan yang lebih ketat perlu dilakukan ke atas monyet supaya tidak menimbulkan masalah kepada penjual dan pengunjung. Penjualan makanan ringan seperti aiskrim, minuman dan makanan serta kacang panjang untuk diberikan kepada monyet juga perlu dikawal supaya tidak menyebabkan spesies fauna tersebut terlalu bergantung kepada bantuan manusia dan akhirnya menimbulkan masalah.

Terdapat dua pondok istirahat yang disediakan oleh pengusaha di Taman Paya Bakau Seri Manjung untuk kemudahan pengunjung melakukan aktiviti memancing. Aktiviti memancing di taman paya bakau ini popular terutamanya pada hujung minggu. Bagaimanapun, para pengunjung menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bekalan umpan pancing, khususnya umpun-umpun dan udang geragau. Peluang untuk penduduk tempatan berniaga umpan dan menjual atau menyewakan perkakas memancing kepada pengunjung yang gemar memancing, cukup besar. Peluang perniagaan juga boleh dibuka kepada mereka yang berminat untuk menjual makanan ringan dan sebagainya. Dengan adanya peniaga kecil-kecilan ini, Taman Paya Bakau akan bertambah meriah dan bilangan pengunjung yang datang juga dijangka akan bertambah.

Promosi perlu giat dijalankan bagi menambah bilangan pelancong yang datang ke Taman Paya Bakau. Berdasarkan temu bual bersama pembantu pelancong di Pusat Penerangan Pelancongan Lumut, risalah mengenai Taman Paya Bakau yang di keluarkan oleh Majlis Perbandaran Manjung pada tahun 2010 telah habis. Promosi perlu digiatkan lagi dengan mengemas kini maklumat di laman sesawang rasmi pihak berwajib. Berdasarkan tinjauan, tidak banyak maklumat yang boleh dikongsikan di laman sesawang tersebut dan ini menyebabkan pembaca yang merupakan potensi pengunjung kurang berminat untuk datang ke situ. Selain itu, jaringan pengangkutan juga sangat penting untuk pengunjung sampai ke destinasi ekopelancongan tersebut. Pengangkutan awam perlu ditambah lagi bagi memudahkan pelancong luar datang ke Daerah Manjung. Perkhidmatan bas perjalanan jarak dekat yang khusus atau perkhidmatan letak kereta dan naik bas yang membawa pelancong dari satu destinasi ke destinasi lain di sekitar Seri Manjung dan Lumut wajar disediakan. Contohnya laluan bas tersebut adalah dari Bandar Lumut ke

Taman Paya Bakau dan seterusnya ke Teluk Batek, di mana pelancong yang datang boleh bermandi air laut dan berkelah di tepi pantai. Perkhidmatan bot untuk bersiar-siar dengan menyusuri sungai untuk melihat keindahan paya bakau yang terdapat di Seri Manjung ini juga sesuai diadakan. Ini bagi memberi peluang kepada pengunjung untuk mengalami perjalanan dengan bot seperti yang lazim ditawarkan di tempat-tempat lain seperti di bandar Kuantan, pantai Port Dickson dan Melaka Bandar Bersejarah. Aktiviti berjalan kaki di atas laluan pelbagai permukaan juga wajar disediakan.

Pembangunan pelancongan yang dijalankan seharusnya tidak mengetepikan komuniti tempatan. Mereka wajar diberi peluang untuk terlibat sama dalam memajukan ekopelancongan taman paya bakau. Taman Paya Bakau Seri Manjung mempunyai potensi yang besar untuk menggamit lebih ramai pengunjung kerana lokasinya yang strategik. Pelancong yang datang ke Lumut dan Teluk Batik seharusnya juga datang ke Taman Paya Bakau kerana kedudukannya adalah berhampiran. Lebih wajar lagi sekiranya kesemua tempat dan objek pelancongan di sekitar Lumut-Seri Manjung-Pangkor dipakej sebagai satu destinasi yang boleh dikunjungi secara berurutan. Ini meningkatkan lagi kepelbagaian aktiviti yang boleh dilakukan dan dinikmati oleh pelancong.

Kerjasama antara pihak berkepentingan, iaitu kerajaan khususnya Pihak Berkuasa Tempatan, industri-pengusaha dan masyarakat setempat harus ada jika mahu menjadikan pembangunan ekopelancongan tersebut berterusan mapan dan lestari, tidak menjejaskan kualiti alam sekitar. Oleh yang demikian, pembangunan yang dijalankan haruslah menepati prinsip-prinsip ekopelancongan dengan memberikan faedah kepada komuniti dan pada masa yang sama tidak menjejaskan kualiti alam sekitar.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya kajian ini mendapati bahawa ekopelancongan yang dibangunkan oleh pihak berkepentingan adalah sederhana memuaskan. Pihak kerajaan telah menyediakan kemudahan, infrastruktur dan perkhidmatan yang diperlukan. Namun penyediaan kemudahan hanyalah pada tahap minimum sahaja. Industri pula telah menyokong pihak kerajaan dalam menambah baik kemudahan dengan memberi dorongan, bantuan dan sokongan kepada pihak kerajaan. Sementara masyarakat pula telah mendapat kesan sosioekonomi, namun kesan tersebut hanyalah pada tahap minimum. Sebaliknya impak negatif dari segi alam sekitar dan sosial dsakan lebih ketara lagi. Hal ini adalah seperti yang ditanggap oleh penduduk setempat. Penduduk setempat merasakan bahawa ekopelancongan yang dijalankan meninggalkan sedikit impak positif dari segi ekonomi dan sosial tetapi lebih banyak impak negatif khususnya dari segi fizikal dan sosial. Masih belum banyak lagi peluang pekerjaan dan perniagaan yang perlu dibuka untuk komuniti tempatan meningkatkan ekonomi mereka. Begitu juga usaha lain bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan untuk meningkatkan lagi kualiti produk ekopelancongan tersebut.

Rujukan

- Azahan Awang, Abdul Samad Hadi, Jamaluddin Md. Jahi, Asmah Ahmad, Abdul Hadi Harman Shah (2006) Mendefinisi semula makna kualiti hidup masyarakat bandar dalam konteks ilmu sosial. *Malaysian Journal of Environmental Management* 7, 19-23.
- Butler RW (1980) The concept of a tourist area cycle of evolution: Implication for management of resources. *Canadian Geographer* 24, 5-12.
- Er Ah Choy (2010) The nascent development of ecotourism in Lagong Hill. *American Journal of Applied Sciences* 7 (2), 1528-1531.
- Er Ah Choy, Choy Sheau Tsuey, Alim Biun, Jumaat Adam (2011) The nascent ecotourism journey for Mt. Tambuyukun. *Australian Journal of Basic Applied Sciences* 5 (12), 3118-3322.
- Er Ah Choy, Azima Abdul Manaf, Suhana Saad, Khalijah Rejab, Nurrul Assyikeen Md.Jaffary, Nadiah Abd Halim, Shahidah Hamzah (2010) Persepsi pelancong terhadap tarikan pelancongan di Bukit

- Fraser, Pahang. In: Jumaat H. Adam, Muhammad Barzani Gasim, Zaini Sakawi, Er Ah Choy, Zufahmi Ali Rahman, Noordeyana Tambi, Mohd Afiq Aizat Juhari (eds) *Bio-kejuruteraan, Penilaian Ekosistem dan Spesis 2010*, pp. 203-214. Straits Digital Sdn Bhd, Subang Jaya.
- Ceballos-Lascurain H (1996) *Tourism, ecotourism and protected areas*. Gland, IUCN, Switzerland.
- David F (2008) *Ecotourism*. Taylor & Francis e-Library, New York.
- Majlis Perbandaran Manjung (2012) Sejarah Daerah Manjung. [cited Mac 12, 2012]. Available from: <http://mpm.gov.my/>.
- Sue B (2000) *Ecotourism: A practical guide for rural communities*. Brown Prior Anderson, Australia.
- Suliati A (2012) 10 ikon pelancongan Perak. *Harian Metro*.
- Yahaya Ibrahim (2008) *Pembangunan pelancongan dan perubahan komuniti*. Dawama Sdn Bhd., Selangor.
- Yahaya Ibrahim, Sulong Ahmad, Habibah Ahmad (2008) *Pelancongan Malaysia: Isu budaya, komuniti dan persetempatan*. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Zuriatunfadzliyah Shahdan, Rosniza Aznie Che Rose, Habibah Ahmad (2009) Perubahan budaya Orang Bateq dalam situasi ekopelancongan di Taman Negara Pahang. *E-Bangi Jurnal of Social Sciences and Humanities* 4 (1), 159-169.